

10/09/1998

Musa, Ghafar bantu perkukuh perpaduan parti

MELAKA, Rabu - Pemuda Umno Melaka mahu Datuk Seri Anwar Ibrahim mencontohi dua bekas Timbalan Presiden Umno, Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba, yang tidak menimbulkan masalah apabila tidak lagi menyandang jawatan dalam kerajaan dan parti.

Ketuanya, Nazari Adzim, berkata dua tokoh itu masih menyumbang ke arah perpaduan serta kekuatan parti walaupun tidak lagi menyandang jawatan penting.

Berikutan itu, katanya, walaupun tiada jawatan tertinggi dalam parti, Anwar sepatutnya tidak menghancurkan parti dengan rancangan melaungkan gerakan reformasi.

"Pemuda Umno Melaka berharap Anwar bertenang dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dan lebih mengutamakan perpaduan parti dengan mencontohi sikap dua bekas Timbalan Presiden Umno yang lalu," katanya.

Nazari berkata, Pemuda Umno Melaka menyokong pendirian Exco Pemuda Umno yang memberi sokongan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta menolak gerakan reformasi yang dilaungkan Anwar.

"Pemuda Umno Melaka menyokong kepemimpinan Perdana Menteri serta Majlis Tertinggi yang memecat Anwar daripada parti," katanya.

Mengenai kedudukan Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, Nazari berkata, Pemuda Umno Melaka akan menyerahkannya kepada kebijaksanaan Exco Pemuda yang bermesyuarat esok untuk membuat sebarang keputusan.

Pemuda Umno Melaka akan menyatakan pendirian selepas mesyuarat Exco Pemuda itu.

(END)